

PEMBANTU PENGUASA KASTAM

Gred : W17
 Kod Skim : 4611
 Kumpulan : Sokongan
 Kem./Jab. : Kastam Diraja Malaysia
 Jadual Gaji : P1T1 RM821.89- P1T24 RM2152.86
 P2T1 RM873.32- P2T24 RM2274.01
 P3T1 RM926.26- P3T24 RM2399.46

Syarat Lantikan

- i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut; dan
- ii) Kejujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Deskripsi Tugas

Bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan ke atas barang-barang yang diimport/eksport, bagasi-bagasi penumpang yang keluar/masuk di pintu-pintu masuk negara, membuat imbangan daftar-daftar muatan, mengawal pergerakan barang-barang yang keluar/masuk kawasan-kawasan zon bebas, gudang pengilangan berlesen, gudang-gudang berlesen, kilang-kilang eksais, menjalankan tugas-tugas juruwang serta pungutan duti, menjalankan tugas-tugas pencegahan seperti pengintipan, serbuan, rondaan serta penggeledahan kapal/kenderaan dan membantu dalam tugas-tugas pentadbiran biasa.

Tempoh Percubaan

Pembantu Penguasa Kastam Gred W17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

Pengesahan Dalam Perkhidmatan

Pembantu Penguasa Kastam Gred W17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah memenuhi tempoh percubaan:

- i) Hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus Peperiksaan Perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- ii) Diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

VISI

Menjadikan perkhidmatan Kastam Malaysia dihormati, diiktiraf dan bertaraf dunia

MISI

Memungut cukai dan duti Kastam, memberi fasilitasi kepada sektor perdagangan dan perindustrian serta memastikan pematuhan undang-undang untuk memelihara kepentingan ekonomi, sosial dan keselamatan negara.



Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia
 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia & Kewangan
 (Cawangan Perancangan Sumber Manusia & Pembangunan Organisasi)
 Perjawatan,
 No. 3, Persiaran Perdana, Aras 9 Utara,
 Kompleks Kementerian Kewangan,
 Presint 2, 62596 Putrajaya.
 Tel: 88822100/88822300/88822500

<http://www.customs.gov.my>



KERJAYA DI KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Pada umumnya, Jabatan Kastam tidak membuat sendiri pengambilan bagi jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Atasan (i.e. Penolong Penguasa Kastam). Urusan ini dikendalikan oleh Perkhidmatan Awam (SPA). Keterangan lanjut berhubung perkara ini bolehlah melalui Laman Web SPA di alamat <http://www.spa.gov.my>. Permohonan bolehlah dikemukakan pada bila-bila masa sepanjang tahun melalui Borang SPA 8 (yang boleh dibeli dari urusetia SPA) atau dengan mengisi borang secara on-line melalui laman web SPA, bagi semua jawatan yang dipohon oleh pemohon yang terdiri daripada warganegara Malaysia. Calon boleh memohon maksimum setiap jawatan. Semakan kelayakan bagi calon membuat pilihan jawatan boleh melalui Skim Perkhidmatan semasa mengisi borang SPA. Bagi jawatan Kumpulan Sokongan II seperti Pembantu Am Pejabat, Pemandu dan Pembantu Rendah Awam pengambilan diambil oleh KDRM dengan mengiklankan permohonan jawatan ke akhbar-akhbar utama seluruh negara. Mereka yang berminat bolehlah memohon jawatan-jawatan tersebut apabila diiklankan kelak.

KASTAM DIRAJA MALAYSIA

<http://www.customs.gov.my>



PENGUASA KASTAM

Gred	: W41
Kod Skim	: 1883
Kumpulan	: Pengurusan dan Profesional
Kem./Jab.	: Kastam Diraja Malaysia
Jadual Gaji	: P1T1 RM1702.81- P1T27 RM4688.95 P2T1 RM1798.82- P2T27 RM4968.61 P3T1 RM1899.01- P3T27 RM5255.39

Syarat Lantikan

- Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T3 RM1886.49); atau
- Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T4 RM1978.33); atau
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T8 RM2345.69); atau
- Ahli Penuh Badan-badan Ikhlas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T8 RM2345.69); atau
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhlas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T9 RM2437.53); atau
- Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T10 RM2529.37); atau
- Lulus Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Penguasa Kastam adalah layak dipertimbangkan untuk KPSL ke jawatan Penguasa Kastam Gred W41 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- mempunyai kelayakan di atas; atau
- lulus Peperiksaan Khas; dan
- berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

Deskripsi Tugas

Memperjelaskan barang-barang mengikut tarif-tarif, membuat taksiran harga bagi pungutan duti kastam/cukai jualan, memproses serta meluluskan permohonan pengimportan/pengeksportan barang-barang berduit tertakluk kepada larangan-larangan import/eksport di pintu-pintu masuk/keluar negara, Zon-zon Bebas Cukai dan Gudang-gudang Berlesen.

Memproses permohonan lesen gudang-gudang eksais, gudang-gudang berlesen, gudang-gudang pengilangan berlesen.

Mengaudit akaun syarikat-syarikat yang dilesenkan di bawah akta-akta Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan untuk pungutan cukai jualan/perkhidmatan.

Memproses permohonan mendapatkan pengecualian cukai jualan, memeriksa stok dan penggunaan barang-barang berduit syarikat-syarikat yang mendapatkan pengecualian duti kastam, memproses permohonan remisi cukai, menyelia tugas pemeriksaan penumpang dan menjalankan siasatan ke atas syarikat/individu yang melakukan penyelewengan-penyeludupan dan bertindak sebagai Pegawai Pendakwa bagi kes-kes kastam di Mahkamah dan menjalankan lain-lain tugas penguatkuasaan.

Tempoh Percubaan

- Penguasa Kastam Gred W41 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- Penguasa Kastam Gred W41 yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan tidak dikehendaki melalui tempoh percubaan.

Pengesahan Dalam Perkhidmatan

Penguasa Kastam Gred W41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- Memenuhi tempoh percubaan.
 - Hadir dengan jayanya kursus Induksi dan lulus Peperiksaan Perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - Diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan
- Penguasa Kastam Gred W41 yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan boleh disahkan dalam perkhidmatan bila-bila masa selepas 1 tahun apabila telah:
 - Memenuhi syarat-syarat di para 6 (a) di atas; dan
 - Diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PENOLONG PENGUASA KASTAM

Gred	: W27
Kod Skim	: 2001
Kumpulan	: Sokongan
Kem./Jab.	: Kastam Diraja Malaysia
Jadual Gaji	: P1T1 RM1209.09- P1T26 RM3031.64 P2T1 RM1278.67- P2T26 RM3217.79 P3T1 RM1351.27- P3T26 RM3409.80

Syarat Lantikan

- STPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan atau
- Diploma dalam bidang Pentadbiran Awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W27: P1T5 RM1475.29); dan
- Lulus B.M (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penguasa Kastam adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk KPSL ke jawatan Penguasa Kastam Gred W27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- Mempunyai kelayakan seperti di atas; atau
- Lulus Peperiksaan Khas.
- Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan

Deskripsi Tugas:

- Menyediakan laporan-laporan harga serta menyelenggara doket-doket harga agensi, surat-surat pekeliling Jabatan, surat-surat jaminan bank.
- Membantu dalam tugas-tugas penjenisan barang-barang dan taksiran harga barang-barang bagi tujuan pungutan duti.
- Mengawal pergerakan barang-barang kedai-kedai bebas cukai, memproses permohonan-permohonan pengecualian dari pelesenan cukai jualan.
- Mengawal perolehan, penyimpanan serta pelupusan barang-barang rampasan dalam stor-stor pencegah.
- Menyemak Invois-invois syarikat bagi menentukan peraturan-peraturan cukai jualan dipatuhi.
- Menyelenggara penyata-penyata bayaran cukai jualan/cukai perkhidmatan/kad-kad lejer bayaran-bayaran cukai pelesenan dan menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan perkastaman yang lain.